

**Yang Di-Pertuan Agong Terima 30 Kek Sempena Hari Keputeraan  
Bernama  
Jun 6, 2014**

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada Jumaat menerima persembahan 30 kek sempena ulang tahun keputeraan Seri Paduka, Sabtu.

Turut berangkat menyaksikan persembahan kek berkenaan di Dewan Santapan Istana Negara di sini ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Seri Paduka berdua meluangkan masa kira-kira satu jam dan tertarik dengan dekorasi pelbagai kek termasuk kek buah bertemakan 'Tahun Melawat Malaysia bersama KTM 2014' seberat 40 kilogram daripada Hotel Park Royal Kuala Lumpur.

Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin turut hadir untuk mempersembahkan kek daripada ATM bertemakan ATM Taat Setia.

Hotel Berjaya Waterfront Johor Baharu pula mempersembahkan kek seberat 60 kilogram dengan tema Kapal Perang HMS Victory.

Turut menarik perhatian Seri Paduka berdua ialah kek Daulat Tuanku daripada Pusat Dagangan Dunia Putra yang dihias di atasnya dengan sebuah 'Royal Buggy' yang boleh berpusing dan mengeluarkan bunyi 'Daulat Tuanku'.

Hotel lain yang menghadihkan kek dalam pelbagai bentuk dan rasa ialah Putrajaya Marriot Hotel & Spa, Mandarin Oriental Kuala Lumpur, Hotel Grand Bluewave Shah Alam, Hotel Golden Horse Palace Bhd, Federal Hotel International Kuala Lumpur, Kuala Lumpur Konvensyen Centre dan Hotel Shangri-la.

Turut sama mempersembah kek bagi sambutan ulang tahun Seri Paduka ialah Hotel Maya Kuala Lumpur, Hotel Berjaya Times Square, Hotel Impiana KLCC, Hotel Intercontinental, Brahim's Airlines Catering, Hotel Doubletree by Hilton, Dorsett Hospitality International, The Royale Bintang, Hotel Uitm Shah Alam dan Hotel Istana.

Hotel Chorus, Grand Millennium, Hotel Holiday Villa & Suites, Starwood Hotel & Resort Malaysia, The Ritz-Carlton, Putrajaya International Convention Centre, Malaysia Airlines, Hotel One World dan Hotel Seri Pacific turut mempersembah kek masing-

masing .

Persembahan kek merupakan acara tahunan setiap kali sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1044112>